

# FAQ MENGENAI PERMOHONAN E-FIT WITH NQS KUOTA TARIF GALAKAN (FIT) SOLAR PV BAGI INDIVIDU

S: Berapakah jumlah kuota yang ditawarkan untuk individu di bawah sistem baru ini?

J: Kuota Solar PV sebanyak 8MW ditawarkan bagi tahun 2014 untuk projek-projek yang disasarkan untuk mencapai operasi komersial pada akhir 2014.

S: Siapakah yang layak memohon?

J: Pemilik rumah kediaman (landed property) di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Semenanjung Malaysia layak untuk memohon untuk mendapatkan kuota di bawah sistem ini.

S: Adakah pemilik rumah sendiri dikehendaki mengemukakan permohonan ini?

J: Permohonan hendaklah dibuat melalui pembekal perkhidmatan solar PV yang berdaftar bagi pihak pemilik rumah yang berminat. Pembekal perkhidmatan solar PV tersebut perlu berdaftar dengan SEDA, sila rujuk senarai di laman web: [www.seda.gov.my](http://www.seda.gov.my).

S: Adakah permohonan perlu dilakukan secara manual atau atas talian?

J: Permohonan hendaklah dilakukan secara atas talian melalui sistem dalam talian [e-FiT with the New Queue System (NQS)] dimana permohonan dibuka bermula daripada 2 Mei 2014, jam 4 petang sehingga 12 Mei jam 5 petang.

S: Apakah e-FiT with NQS?

J: Bermula 2 Mei, pada jam 4 petang hingga 5 petang pada 12 Mei 2014 di bawah e-FiT with NQS, pemohon melalui pembekal solar PV berdaftar yang telah dilantik, dikehendaki membayar yuran

pemprosesan sebanyak RM100 melalui kad kredit sewaktu penyerahan permohonan. Selepas tarikh tutup (12 Mei 2014), SEDA Malaysia akan menyaring permohonan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan. Permohonan yang telah melepas proses saringan akan ke peringkat seterusnya dan akan mendapatkan nombor giliran.

Pada 19 Mei, 2014 diantara jam 10 pagi hingga 5 petang, pembekal perkhidmatan PV solar yang dilantik akan log masuk ke e-FiT with NQS untuk mendapatkan nombor giliran bagi permohonan pelanggan mereka.

S: Kenapa ada keperluan untuk menggunakan NQS?

J: NQS diperkenalkan untuk mengurangkan masa pemprosesan yang berat (kerana perlu memproses maklumat yang banyak) di bawah sistem atas talian e-FiT sebelumnya. Kesekaran sistem atas talian telah menyebabkan pemohon mempunyai kesukaran untuk mengakses sistem. NQS membolehkan semua pemohon untuk mengemukakan permohonan mereka. SEDA Malaysia akan memproses semua permohonan dan Sistem e-FiT akan memperuntukkan kuota kepada pemohon yang berjaya berdasarkan nombor giliran mereka sehingga semua kuota habis. Proses ini akan mengurangkan pemprosesan berat di mana kuota akan diperuntukkan oleh sistem secara automatik.


S: Adakah terdapat perubahan kriteria bagi NQS ini?

J: Tidak. Kriteria yang sama masih lagi terpakai dan senarai kriteria tersebut adalah seperti yang tersenarai di bawah<sup>[1]</sup>:

- Had Kapasiti Terpasang bagi setiap pemohon adalah sebanyak 12kW

Bagi menjamin ketelusan dan memberikan peluang yang lebih baik untuk semua pemilik rumah untuk memohon kuota solar photovoltaic (PV), Pihak Berkusa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) telah memperkenalkan sistem giliran baru bagi permohonan di bawah mekanisme Tarif Galakan (FIT). Permohonan boleh dibuat bermula daripada jam 4 petang pada 2 Mei 2014 sehingga jam 5 petang pada 12 Mei 2014.

## KONSEP SOLAR PV BAGI KEDIAMAN DI BAWAH RANGKA KERJA TARIF GALAKAN



sahaja bagi setiap alamat dan seorang pemohon hanya dibenarkan untuk membuat dua (2) permohonan sahaja (bagi pemohon yang telah berjaya mendapat dua (2) Kelulusan Galakan bagi Solar PV sebelum ini tidak lagi layak untuk membuat permohonan. Sekiranya pemohon hanya berjaya mendapat satu (1) Kelulusan Galakan bagi Solar PV sebelum ini, pemohon hanya layak bagi membuat satu permohonan sahaja lagi). Bagi pemohon yang belum pernah mendapat Kelulusan Galakan bagi Solar PV layak untuk membuat dua permohonan;

- Permohonan hanya sah bagi pemasangan pada unit perumahan yang berada di bawah nama pemohon sahaja; dan
- Di bawah kriteria Pemegang Saham Utama, had bagi keseluruhan jumlah kapasiti terpasang projek

solar PV adalah sebanyak 5MW.

dimana no giliran anda bergerak lebih dekat.

S: Bilakah pembekal perkhidmatan Solar PV yang berdaftar boleh mendapatkan nombor giliran tersebut?

J: Pemohon yang berjaya dalam proses saringan akan dimaklumkan oleh SEDA Malaysia melalui email. Pembekal perkhidmatan Solar PV yang dilantik boleh mendapatkan nombor giliran tersebut di antara jam 10 pagi hingga 5 petang pada 19 Mei, 2014. Nombor giliran akan diberikan melalui Sistem e-FiT dengan sistem giliran berdasarkan konsep first-come-first-serve.

S: Memandangkan proses permohonan merupakan proses yang agak kompleks, adakah terdapat apa-apa bantuan yang disediakan bagi pembekal perkhidmatan Solar PV yang membuat permohonan bagi pihak pelanggan?

J: Panduan Langkah Demi Langkah atau tutorial atas talian boleh dimuat turun dari laman web SEDA Malaysia. Panduan tersebut berupa carta alir dan paparan skrin pelbagai peringkat permohonan dan boleh memberi panduan bagi pemohon.

S: Bilakah kuota akan diberikan?

J: Kuota untuk pemohon PV solar individu akan diberikan bermula 20 Mei 2014. Pemohon FiA yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel bagi mereka untuk membayar fi permohonan dan menyerahkan borang akuan yang ditandatangani.

Untuk maklumat lanjut mekanisme FiT seperti garis panduan, peraturan dan panduan langkah demi langkah mengenai permohonan ini, sila rujuk kepada laman web SEDA Malaysia ([www.seda.gov.my](http://www.seda.gov.my)).

**Sustainable Energy Development Authority Malaysia  
Pihak Berkusa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA Malaysia)**

Ibu Pejabat:  
Galeria PjH,  
Aras 9, Jalan P4W,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia  
No. Tel Pejabat : (03)8870 5800  
Emel : [quota\\_release@seda.gov.my](mailto:quota_release@seda.gov.my)  
Website : [www.seda.gov.my](http://www.seda.gov.my)

Cawangan Sabah :  
Likas Square Commercial Centre,  
Unit 32, Level 1,  
Lorong Likas Square,  
Jalan Istiadat Likas,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah  
No. Tel Pejabat : (088)252 101 / 251 462

<sup>[1]</sup>Kriteria lengkap, sila muat turun Garis Panduan dan Ketetapan SEDA di [www.seda.gov.my](http://www.seda.gov.my)